



# **UNDANG-UNDANG NEGERI SELANGOR**

**Enakmen A56**

**ENAKMEN UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM  
(NEGERI SELANGOR) (PINDAAN) 2018**

Tarikh Perkenan Diraja	...	...	10 Oktober 2018
Tarikh penyiaran dalam <i>Warta</i>	...	...	18 Oktober 2018

**UNDANG-UNDANG NEGERI SELANGOR****Enakmen A56****ENAKMEN UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM  
(NEGERI SELANGOR) (PINDAAN) 2018**

BETA PERKENANKAN,

(MOHOR KERAJAAN)

SHARAFUDDIN IDRIS SHAH  
*Sultan Selangor*

10 Oktober 2018

Suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003.

[ ]

**DIPERBUAT** oleh Badan Perundangan Negeri Selangor seperti yang berikut:

**Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) (Pindaan) 2018.

(2) Enakmen ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

**Pindaan seksyen 8**

2. Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003 [*Enakmen No. 2 tahun 2003*], yang disebut “Enakmen ibu” dalam Enakmen ini, dipinda dalam seksyen 8 dengan menggantikan perkataan “jika lelaki itu berumur kurang daripada lapan belas tahun atau perempuan itu berumur kurang daripada enam belas tahun” dengan perkataan “jika lelaki atau perempuan itu berumur kurang daripada lapan belas tahun”.

**Seksyen baharu 8A**

3. Enakmen ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 8 seksyen yang berikut:

**“Permohonan untuk berkahwin bagi lelaki atau perempuan yang berumur kurang daripada lapan belas tahun**

**8A.** (1) Tertakluk kepada seksyen 18, setiap permohonan untuk berkahwin bagi lelaki atau perempuan yang berumur kurang daripada lapan belas tahun kepada Mahkamah hendaklah dimulakan dengan—

- (a) bagi lelaki, suatu notis permohonan melalui ibu atau bapa atau penjaganya berserta dengan afidavit ibu atau bapa atau penjaganya dan juga afidavit bakal isteri kepada lelaki itu; atau
  - (b) bagi perempuan, suatu notis permohonan melalui ibu atau bapa atau penjaganya berserta dengan afidavit ibu atau bapa atau penjaganya dan juga afidavit bakal suami kepada perempuan itu.
- (2) Bagi maksud subseksyen (1)—
- (a) afidavit ibu atau bapa atau penjaga yang memohon bagi pihak lelaki yang berumur kurang daripada lapan belas tahun itu hendaklah mengandungi butir-butir yang berikut:
    - (i) nama, umur dan status perkahwinan lelaki yang berumur kurang daripada lapan belas tahun itu;

- (ii) alasan-alasan bagi perkahwinan yang dicadangkan itu; dan
  - (iii) kemampuan lelaki yang berumur kurang daripada lapan belas tahun itu untuk memberi nafkah kepada bakal isterinya;
- (b) affidavit ibu atau bapa atau penjaga yang memohon bagi pihak perempuan yang berumur kurang daripada lapan belas tahun itu hendaklah mengandungi butir-butir yang berikut:
- (i) nama, umur dan status perkahwinan perempuan yang berumur kurang daripada lapan belas tahun itu; dan
  - (ii) alasan-alasan bagi perkahwinan yang dicadangkan itu;
- (c) affidavit bakal isteri kepada lelaki yang berumur kurang daripada lapan belas tahun itu hendaklah mengandungi butir-butir yang berikut:
- (i) nama, umur dan status perkahwinannya pada masa itu;
  - (ii) alasan-alasan bagi perkahwinan yang dicadangkan itu;
  - (iii) pernyataan berhubung dengan tahap kesihatannya; dan
  - (iv) pernyataan sama ada dirinya pernah disabitkan dengan apa-apa kesalahan jenayah atau tidak; dan
- (d) affidavit bakal suami kepada perempuan yang berumur kurang daripada lapan belas tahun itu hendaklah mengandungi butir-butir yang berikut:
- (i) nama, umur dan status perkahwinannya pada masa itu;
  - (ii) alasan-alasan bagi perkahwinan yang dicadangkan itu;

- (iii) kemampuannya untuk memberi nafkah kepada bakal isterinya yang berumur kurang daripada lapan belas tahun itu;
  - (iv) pernyataan berhubung dengan tahap kesihatannya; dan
  - (v) pernyataan sama ada dirinya pernah disabitkan dengan apa-apa kesalahan jenayah atau tidak.
- (3) Selepas menerima sesuatu permohonan di bawah subseksyen (1), Mahkamah hendaklah memerintahkan—
- (a) lelaki atau perempuan yang berumur kurang daripada lapan belas tahun itu dan bakal isteri atau suaminya supaya menjalani pemeriksaan kesihatan di mana-mana hospital Kerajaan, pusat kesihatan Kerajaan atau institusi kesihatan Kerajaan yang lain;
  - (b) mana-mana pegawai perubatan Kerajaan supaya mengeluarkan suatu laporan perubatan bagi tujuan pemeriksaan kesihatan yang dinyatakan di bawah perenggan (a)—
    - (i) bagi lelaki, yang menyatakan tahap kesihatan mental, fizikal dan psikologinya; atau
    - (ii) bagi perempuan, yang menyatakan tahap kesihatan mental, fizikal, psikologi dan reproduktifnya;
  - (c) mana-mana Pegawai Kebajikan Masyarakat supaya mengeluarkan suatu laporan sosial yang menyatakan latar belakang sosio-ekonomi lelaki atau perempuan yang berumur kurang daripada lapan belas tahun itu; dan
  - (d) Polis Diraja Malaysia supaya mengeluarkan laporan rekod jenayah lelaki atau perempuan yang berumur kurang daripada lapan belas tahun itu dan bakal isteri atau suaminya, jika ada.

(4) Mahkamah hendaklah, setelah menerima laporan-laporan yang dinyatakan di bawah subseksyen (3), mengarahkan—

- (a) lelaki atau perempuan yang berumur kurang daripada lapan belas tahun itu dan bakal isteri atau suaminya; dan
- (b) ibu bapa atau penjaga kepada lelaki atau perempuan yang berumur kurang daripada lapan belas tahun itu,

supaya hadir di hadapannya bagi membolehkan Mahkamah menyasat mengenai kesediaan pihak-pihak terhadap perkahwinan yang dicadangkan itu termasuk sama ada lelaki atau perempuan yang berumur kurang daripada lapan belas tahun itu bersetuju atau tidak terhadap perkahwinan tersebut.

(5) Walau apa pun perenggan (4)(b), Mahkamah boleh mengecualikan mana-mana ibu atau bapa kepada lelaki atau perempuan yang berumur kurang daripada lapan belas tahun itu daripada menghadiri siasatan di bawah seksyen ini, jika difikirkannya wajar untuk berbuat demikian.

(6) Mahkamah boleh, pada bila-bila masa sebelum membuat keputusan di bawah seksyen ini, memanggil mana-mana orang lain untuk memberi keterangan jika difikirkannya wajar untuk berbuat demikian.

(7) Mahkamah, dalam mempertimbangkan permohonan di bawah seksyen ini, hendaklah—

- (a) memberi keutamaan kepada kebajikan lelaki atau perempuan yang berumur kurang daripada lapan belas tahun itu; dan
- (b) berpuas hati bahawa perkahwinan yang dicadangkan itu—
  - (i) adalah patut dan perlu; dan
  - (ii) tidak akan menyebabkan kemudaratan kepada lelaki atau perempuan yang berumur kurang daripada lapan belas tahun itu.

(8) Mahkamah, setelah berpuas hati dengan semua kehendak dalam seksyen ini, hendaklah—

- (a) memberikan kebenaran untuk berkahwin kepada lelaki atau perempuan yang berumur kurang daripada lapan belas tahun itu di bawah seksyen 18; dan
- (b) memerintahkan lelaki atau perempuan yang berumur kurang daripada lapan belas tahun itu supaya menghadiri sesi runding cara kekeluargaan sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pendaftar sebelum perkahwinan itu diadakniahkan.

(9) Mana-mana Mahkamah yang memberi kebenaran untuk berkahwin di bawah seksyen 18 boleh—

- (a) memerintahkan pembayaran nafkah oleh bakal suami kepada perempuan yang berumur kurang daripada lapan belas tahun itu selepas perkahwinan itu; atau
- (b) mengeluarkan apa-apa perintah lain yang difikirkan wajar untuk menjaga kebajikan lelaki atau perempuan yang berumur kurang daripada lapan belas tahun itu.

(10) Semua prosiding di bawah seksyen ini hendaklah didengar dan diputuskan dalam Mahkamah tertutup.

(11) Bagi maksud seksyen ini, “Pegawai Kebajikan Masyarakat” mempunyai pengertian yang diberikan kepadanya di bawah Akta Kanak-Kanak 2001 [*Akta 611*].

### **Pindaan seksyen 18**

4. Subseksyen 18(2) Enakmen ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “seksyen 8” dengan perkataan “seksyen 8 dan 8A”.



**Kecualian**

5. (1) Apa-apa permohonan untuk kebenaran berkahwin yang dibuat oleh lelaki atau perempuan yang berumur kurang daripada lapan belas tahun di bawah Enakmen ibu dan belum dirujuk kepada Hakim Syarie di bawah seksyen 18 pada tarikh yang ditetapkan, hendaklah, pada tarikh yang ditetapkan, diuruskan di bawah Enakmen ibu sebagaimana yang dipinda oleh Enakmen ini.

(2) Bagi maksud seksyen ini, “tarikh yang ditetapkan” ertinya tarikh Enakmen ini mula berkuat kuasa.

Diluluskan pada 5 September 2018  
[P.U. Sel. (ADV). RUU(S) 05/7/2]

MOHD KHAIRUL ASHRAFF BIN RADZALI  
*Setiausaha Dewan Negeri  
Selangor*



# **LAWS OF THE STATE OF SELANGOR**

**Enactment A56**

**ISLAMIC FAMILY LAW (STATE OF SELANGOR)  
(AMENDMENT) ENACTMENT 2018**

Date of Royal Assent	...	...	10 October 2018
Date of publication in the <i>Gazette</i>	...	...	18 October 2018

Publisher's Copyright ©

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced, stored in a retrieval system or transmitted in any form or by any means electronic, mechanical, photocopying, recording and/or otherwise without the prior permission of **Percetakan Nasional Malaysia Berhad** (Appointed Printer to the Government of Malaysia).

**LAWS OF THE STATE OF SELANGOR****Enactment A56****ISLAMIC FAMILY LAW (STATE OF SELANGOR)  
(AMENDMENT) ENACTMENT 2018**

I ASSENT,

(STATE SEAL)

SHARAFUDDIN IDRIS SHAH  
*Sultan of Selangor*

10 October 2018

An Enactment to amend the Islamic Family Law (State of Selangor) Enactment 2003.

[ ]

**ENACTED** by the Legislature of the State of Selangor as follows:

**Short title and commencement**

**1.** (1) This Enactment may be cited as the Islamic Family Law (State of Selangor) (Amendment) Enactment 2018.

(2) This Enactment shall come into operation on a date to be appointed by His Royal Highness the Sultan by notification in the *Gazette*.

**Amendment of section 8**

2. The Islamic Family Law (State of Selangor) Enactment 2003 [*Enactment No. 2 of 2003*], which is referred to as the “principal Enactment” in this Enactment, is amended in section 8 by substituting for the words “where either the man is under the age of eighteen or the woman is under the age of sixteen” the words “where either the man or the woman is under the age of eighteen”.

**New section 8A**

3. The principal Enactment is amended by inserting after section 8 the following section:

**“Application to marry for man or woman under the age of eighteen**

**8A.** (1) Subject to section 18, every application to marry for the man or the woman under the age of eighteen to the Court shall be commenced by—

(a) for the man, a notice of application through his mother or father or guardian together with the affidavit of his mother or father or guardian and also the affidavit of the woman to be wedded to the man; or

(b) for the woman, a notice of application through her mother or father or guardian together with the affidavit of her mother or father or guardian and also the affidavit of the man to be wedded to the woman.

(2) For purposes of subsection (1)—

(a) the affidavit of the mother or father or guardian who makes an application on behalf of the man under the age of eighteen shall contain the following particulars:

(i) the name, age and marital status of the man under the age of eighteen;

- (ii) the grounds for the proposed marriage; and
  - (iii) the means of the man under the age of eighteen to provide maintenance to the woman to be wedded to him;
- (b) the affidavit of the mother or father or guardian who makes an application on behalf of the woman under the age of eighteen shall contain the following particulars:
- (i) the name, age and marital status of the woman under the age of eighteen; and
  - (ii) the grounds for the proposed marriage;
- (c) the affidavit of the woman to be wedded to the man under the age of eighteen shall contain the following particulars:
- (i) her name, age and marital status at that time;
  - (ii) the grounds for the proposed marriage;
  - (iii) a statement in relation to her health stage; and
  - (iv) a statement whether or not she has been convicted of any criminal offence; and
- (d) the affidavit of the man to be wedded to the woman under the age of eighteen shall contain the following particulars:
- (i) his name, age and marital status at that time;
  - (ii) the grounds for the proposed marriage;
  - (iii) his means to provide maintenance to the woman under the age of eighteen to be wedded to him;

- (iv) a statement in relation to his health stage; and
- (v) a statement whether or not he has been convicted of any criminal offence.

(3) Upon receiving an application under subsection (1), the Court shall order—

- (a) the man or the woman under the age of eighteen and the woman to be wedded to him or the man to be wedded to her to undergo health examination in any Government hospital, Government health centre or other Government health institutions;
- (b) any Government medical officer to issue a medical report for the purpose of the health examination stated under paragraph (a)—
  - (i) for the man, which states his mental, physical and psychological health stage; or
  - (ii) for the woman, which states her mental, physical, psychological and reproductive health stage;
- (c) any Social Welfare Officer to issue a social report which states the socio-economic background of the man or the woman under the age of eighteen; and
- (d) the Royal Malaysia Police to issue a report on criminal records of the man or the woman under the age of eighteen and the woman to be wedded to him or the man to be wedded to her, if any.

(4) The Court shall, upon receiving the reports stated under subsection (3), order—

- (a) the man or the woman under the age of eighteen and the woman to be wedded to such man or the man to be wedded to such woman; and
- (b) the parents or guardian to the man or the woman under the age of eighteen,

to attend before it in order to enable the Court to inquire on the readiness of the parties towards the proposed marriage including whether or not the man or the woman under the age of eighteen agrees towards such marriage.

(5) Notwithstanding paragraph (4)(b), the Court may exempt any parent to the man or the woman under the age of eighteen from attending the inquiry under this section, if the Court thinks it is proper to do so.

(6) The Court may, at any time before making a decision under this section, summon any other person to give evidence if the Court thinks it is proper to do so.

(7) The Court, in considering the application under this section, shall—

(a) give priority to the welfare of the man or the woman under the age of eighteen; and

(b) be satisfied that the proposed marriage—

(i) is proper and necessary; and

(ii) shall not cause harm to the man or the woman under the age of eighteen.

(8) The Court, on being satisfied with all the requirements in this section, shall—

(a) give permission to marry to the man or the woman under the age of eighteen under section 18; and

(b) order the man or the woman under the age of eighteen to attend consultation session on family as may be determined by the Chief Registrar before the marriage is solemnized.

(9) Any Court which gives permission to marry under section 18 may—

(a) order the payment of maintenance by the man to be wedded to the woman under the age of eighteen after the marriage; or



(b) issue any other orders as it thinks proper to protect the welfare of the man or the woman under the age of eighteen.

(10) All proceedings under this section shall be heard and decided *in camera*.

(11) For the purpose of this section, “Social Welfare Officer” has the meaning assigned to it under the Child Act 2001 [Act 611].

### **Amendment of section 18**

4. Subsection 18(2) of the principal Enactment is amended by substituting for the words “section 8” the words “sections 8 and 8A”.

### **Savings**

5. (1) Any application for permission to marry made by the man or the woman under the age of eighteen under the principal Enactment and has not been referred to the Syarie Judge under section 18 at the appointed date, shall, on the appointed date, be managed under the principal Enactment as amended by this Enactment.

(2) For the purpose of this section, “appointed date” means the date on which this Enactment comes into operation.

Passed this 5 September 2018

[P.U. Sel. (ADV). RUU(S) 05/7/2]

MOHD KHAIRUL ASHRAFF BIN RADZALI  
*Clerk of the Legislative Assembly*  
*Selangor*

